

Penentangan Masyarakat Tempatan

Bahagian A

jawab semua soalan.

7.1

Matlamat dan Bentuk Penentangan Masyarakat Tempatan

- 1 Apakah bentuk penentangan yang digunakan oleh masyarakat tempatan terhadap kuasa British di negara kita?
- A Menandatangani perjanjian
B Menggunakan meriam moden
C Menggunakan kaedah diplomasi
D Melakukan penentangan bersenjata

BT ms. 172

- 2 Maklumat berikut berkaitan dengan tindakan yang dilakukan oleh British terhadap Naning.

Mengenakan cukai hasil tahunan.

Kadar cukai yang dikenakan terhadap Naning ialah

- A $\frac{1}{2}$ C $\frac{1}{6}$
B $\frac{1}{4}$ D $\frac{1}{10}$

BT ms. 173

- 3 Maklumat berikut berkaitan dengan sebab penentangan seorang tokoh tempatan.

Menentang campur tangan British di Sungai Ujong kerana dianggap menggugat kedaulatan bangsa.

Siapakah tokoh tersebut?

- A Dato' Bahaman
B Yamtuan Antah
C Sharif Masahor
D Tok Janggut

BT ms. 174

- 4 Apakah tindakan yang dikenakan kepada Sharif Masahor akibat pelibatangannya dalam gerakan penentangan terhadap Brooke di Sarawak?

- A Dipenjarakan
B Dibuang negeri
C Diberikan pencen
D Dilucutkan jawatan

BT ms. 176

- 5 Tokoh berikut melakukan penentangan terhadap British di Kelantan.

Tok Janggut

Apakah faktor utama yang mendorong gerakan nasionalisme oleh tokoh tersebut?

- A Peraturan cukai
B Pelucutan jawatan
C Pelantikan Residen
D Pembinaan balai polis

BT ms. 176

- 6 Tokoh berikut terlibat dalam perjanjian yang ditandatangani antara British dengan Raja-raja Melayu.

R.C. Woods

Apakah perjanjian tersebut?

- A Perjanjian Sulit
B Perjanjian Pangkor
C Perjanjian Bangkok
D Perjanjian Sempadan

BT ms. 178

7.2

Sistem Pentadbiran Barat Memberikan Kesan terhadap Kuasa Pemerintahan dan Kehidupan Masyarakat Tempatan

- 7 Maklumat berikut berkaitan dengan peluasan kuasa British di Perak.

J.W.W. Birch menggunakan tekanan supaya Sultan Abdullah menandatangani surat pengisytiharan.

Apakah kesan daripada peristiwa tersebut?

- A Pelucutan gelaran
B Sultan kehilangan kuasa
C Kekayaan sumber dikuasai oleh British
D Pembesar diberikan hak memungut cukai

BT ms. 180

- 8 Siapakah pemimpin tempatan yang ditawarkan elauan bulanan sebanyak \$70.00 oleh British?

- A Tok Janggut
B Dato' Bahaman
C Yamtuan Antah
D Penghulu Naning

BT ms. 181

- 9 Maklumat berikut berkaitan dengan sistem pentadbiran British di Kelantan.

Ternakan X

20 sen seekor setahun

Apakah ternakan X yang dimaksudkan?

- A Ayam
B Lembu
C Kambing
D Ikan air tawar

BT ms. 182

- 10 Pelbagai cukai dikenakan kepada rakyat tempatan oleh pentadbiran SBUB di Sabah. Berapakah kadar cukai untuk satu ekar tanah?

- A Satu dolar
B Dua dolar
C Tiga dolar
D Empat dolar

BT ms. 183

- 11 Maklumat berikut berkaitan dengan tindakan yang diambil oleh SBUB di Sabah.

Etnik X dilarang membuka tanah baharu.

Etnik X ialah

- A Bajau C Dusun
B Murut D Rungus

BT ms. 183

7.3 Penentangan Masyarakat Tempatan terhadap Kuasa Barat

- 12 Maklumat berikut berkaitan dengan peristiwa perjuangan tokoh di Perak.

5 September 1875

Mengadakan mesyuarat di rumah Dato' Sagor. Mereka bersumpah meminum air keris untuk merahsiakan pakatan sulit.

Apakah kesan yang berlaku daripada peristiwa tersebut?

- A Balai polis dibakar
B Kubu British dimusnahkan
C Pembunuhan J.W.W. Birch
D Membunuh dua orang pegawai British

BT ms. 184

- 13 Maklumat berikut merujuk kubu pertahanan di Sabah.

Dikenali sebagai Kota Mat Sator yang berfungsi sebagai pusat tinjauan kegiatan British.

Di manakah lokasi kubu pertahanan tersebut?

- A Kota Belud
B Tambunan
C Jesselton
D Tenom

BT ms. 185

- 14 Apakah peristiwa yang menyebabkan Tengku Nik Maimunah terlibat dalam gerakan penentangan masyarakat tempatan di Terengganu?

- A Kebangkitan Tahun 1922
B Kebangkitan Tahun 1925
C Kebangkitan Tahun 1928
D Kebangkitan Tahun 1930

BT ms. 187

- 15 Apakah nasib yang dialami oleh Haji Abdul Rahman Limbong selepas peristiwa penentangannya terhadap British di Terengganu?

- A Dihukum penjara
B Dilucutkan jawatan
C Dibuang ke Makkah
D Membayar ganti rugi kepada British

BT ms. 187

- 16 Apakah strategi yang digunakan oleh SBUB untuk menewaskan perjuangan Mat Salleh di Sabah?

- A Menggunakan ugutan
B Memanipulasikan keadaan
C Menggunakan tipu muslihat
D Membawa masuk tentera luar

BT ms. 188

- 17 Mengapakah penentangan masyarakat tempatan menemui kegagalan?

- I British menawarkan ganjaran kepada pembesar
II British berpakat dengan Belanda
III Penentangan yang bersifat setempat
IV Layanan yang tidak adil

- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

BT ms. 189

7.4 Kesan Penentangan Masyarakat Tempatan

- 18 British mengalami kerugian sebanyak 100 000 Pound Sterling dalam pertempuran di

- A Perak
B Klang
C Naning
D Pahang

BT ms. 190

- 19 Siapakah yang mencadangkan penubuhan Majlis Mesyuarat Negeri (MMN)?

- A Gabenor Jeneral
B Residen Jeneral
C Gabenor
D Residen

BT ms. 190

- 20 Apakah nilai yang boleh dicontohi daripada masyarakat tempatan dalam usaha mereka menentang British?

- A Ketaatan
B Kegigihan
C Keberanian
D Kesyukuran

BT ms. 191